

Matlamat Wawasan 2020

Dunia, akhirat perlu seimbang

Oleh MANJA ISMAIL

KUALA LUMPUR, Jumaat — **Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata**imbangan di antara dunia dan akhirat perlu dalam **Negara Maju Malaysia** yang menjadi **Wawasan 2020**.

Sehubungan itu, katanya, Wawasan 2020 bukan **semata-mata** mahu menjadikan Malaysia sebagai negara **industri**, tetapi yang lebih utama ialah mewujudkan rakyat berilmu dan bersifat mulia.

Menurut **Perdana Menteri**, walaupun **Wawasan 2020** sudah **banyak** diperkatakan, masih **ada** golongan yang belum **benar-benar** memahami matlamat sebenar **wawasan** berkenaan.

Katanya, ramai yang berpendapat menjelang 2020, **Malaysia** akan menjadi sebuah negara industri dengan pendapatan per kapita rakyatnya meningkat kepada **AS\$10,000** (kira-kira **M\$27,000**) setahun.

"Industri dan pendapatan memang menjadi ukuran **pembangunan**, tetapi negara maju yang dimaksudkan juga bermakna rakyat lebih berilmu, memiliki nilai dan sifat mulia, penyayang dan bertimbang rasa, menghargai dan memelihara alam sekitar dan beragama.

"Pendapat bahawa penderitaan di dunia ber-

makna kebahagiaan di akhirat dan sebaliknya kebahagiaan di dunia bermakna **penderitaan** di akhirat, tidak berasas," katanya dalam **perutusan** Hari Kebangsaan yang disiarkan **merusi** Radio dan Televisyen Malaysia **malam** ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, itulah **sebabnya** tema Hari Kebangsaan kali **ini** ialah "Wawasan 2020", dengan **harapan** rakyat boleh disedarkan mengenai **hala tujuannya** masa depan negara, maksud negara maju serta **bagaimana** mencapainya.

Dalam hubungannya ini, katanya, setiap **anggota** masyarakat daripada pemimpin **kerajaan**, eksekutif dan pekerja **swasta**, pegawai dan kakitangan awam, peniaga serta rakyat perlu berganding bahu, bekerjasama dan berusaha bersungguh-sungguh supaya matlamat **menjadi** negara maju menjelang 2020 tercapai.

"Untuk mencapai matlamat **ini juga**, satu faktor yang perlu wujud ialah perpaduan **masyarakat**. Perpaduan hendaklah berasaskan persefahaman di antara dan di dalam kaum serta pengwujudan **sifat** penyayang di antara satu sama lain.

"Justeru itu, amatlah penting dipraktikkan prinsip hidup bertoleransi dan sikap **membantu** sesama kita. Kita perlu mengelakkan **kegiatan** yang boleh mengancam keamanan dan **keharmonian** negara," katanya.

Di segi pembangunan akhlak pula, kata Per-

UHAT MUKA 2

Kekukuhan keluarga teras hidup rakyat

DARI MUKA 1

dana Menteri, adalah penting generasi **muda** disediakan kemudahan pendidikan dan **ajaran** yang melahirkan **perwatakan** merangkumi nilai amanah, **bertanggungjawab**, **menghormati** dan mempunyai falsafah **hidup** untuk berdaya maju.

Menurutnya **kekukuhan** institusi keluarga harus **dijadikan** teras utama **kehidupan** rakyat menjelang 2020 bagi **menghindarkan** **masalah** sosial **seperti** pende-

raan kanak-kanak dan isteri, penyalahgunaan **dadah** dan penyakit Aids.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat harus bersyukur **karena** **dengan** kebebasan dan kekuatan ekonomi **serta** kestabilan politik yang dicapai. **negara** mampu memilih dan **menentukan** **hala**, **bentuk** serta **kepesatan** **kemajuan** yang diingini bagi generasi akan datang.

"Yang penting bagi

kita sekarang ialah menggunakan **sepenuhnya** kestabilan dan sumber yang **ada** **pada** **kita**, terutama sumber manusia supaya **matlamat** menjadikan Malaysia sebuah negara maju akan menjadi satu realiti.

"Sebagai sebuah **negara** yang berdaulat dan **bebas**, tidak **ada** **sebab** **hasrat** **kita** ini tidak boleh dicapai jika **se-mua** bekerjasama serta berusaha dengan gigih dan tekun," katanya.